

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN DI  
FESTIVAL NASYID IPTA PERINGKAT KEBANGSAAN 2004/1425H  
BERSEMPENA DENGAN MAJLIS RASMI PENUTUPAN PROGRAM  
SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN PERINGKAT KUKUM 2004 DI  
DEWAN WARISAN KANGAR, PERLIS PADA 16 SEPTEMBER 2004.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN  
SALAM SEJAHTERA.

MENGADAP KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED  
FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL,  
TUANKU CANSELOR KUKUM DAN DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU  
HAJJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH, RAJA PUAN MUDA PERLIS.

AMPUN TUANKU, SEMBAH PATIK MOHON DIAMPUN,

TERLEBIH DAHULU PATIK BAGI SELURUH WARGA KOLEJ UNIVERSITI  
KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) INGIN MERAFAK SEMBAH,  
MENJUNJUNG KASIH YANG TIDAK TERHINGGA DI ATAS PERKENAN DULI  
TUANKU BERDUA MENCEMAR DULI BERANGKAT KE FESTIVAL NASYID  
IPTA PERINGKAT KEBANGSAAN 2004/1425H DENGAN TEMA  
'PEMBUDAYAAN NASYID KE ARAH MELAHIRKAN MAHASISWA  
BERKEPERIBADIAN MULIA' DAN SETERUSNYA MERASMIKAN MAJLIS  
PENUTUPAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN PERINGKAT KUKUM 2004.

AMPUN TUANKU,

IZINKAN PATIK MENYAMPAIKAN UCAPAN KEPADA BARISAN TETAMU YANG HADIR.

YANG BERHORMAT TUAN HAJI ABU HASSAN SALLEH, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS,

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN REKTOR KUKUM,

YANG BERUSAHA, TUAN HAJI RUSLI ABD. HAMID, PENDAFTAR KUKUM MERANGKAP PENGERUSI JAWATANKUASA FESTIVAL NASYID IPTA PERINGKAT KEBANGSAAN 2004,

PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA KUKUM,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN,

DIF-DIF KEHORMAT,

WAKIL-WAKIL MEDIA,

WARGA KERJA DAN MAHASISWA-MAHASISWI KUKUM YANG DIHORMATI.

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANU WA TAALA KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA SERTA REZEKI YANG DICURAHKAN SERTA BERKAT KASIH DAN SAYANG-NYA MENGIZINKAN KITA SEMUA UNTUK BERKUMPUL PADA MALAM PENUH KEMULIAAN INI DI FESTIVAL NASYID IPTA PERINGKAT KEBANGSAAN 2004 BERSAMAAN 1425 HIJRAH DENGAN TEMA ‘PEMBUDAYAAN NASYID KE ARAH MELAHIRKAN MAHASISWA BERKEPERIBADIAN MULIA’.

TERLEBIH DAHULU, SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATANINI UNTUK MENGUCAPKAN SELAMAT DATANG KEPADA SELURUH WAKIL-WAKIL INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM NEGARA (IPTA) KE KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) YANG TERLETAK DI NEGERI PERMAI LAGI MEMPESONA, PERLIS INDERA KAYANGANINI.

MUNGKIN ADA DI ANTARA ANDA SEMUA BARU PERTAMA KALI BERKUNJUNG KE NEGERIINI. KECIL TAPAK TANGAN NYIRU KAMI TADAHKAN. SEMOGA KUNJUNGANINI AKAN TERPAHAT MENJADI SUATU KENANGAN YANG INDAH DALAM MEMOIR PERIBADI ANDA UNTUK DIKENANG DI KEMUDIAN HARI.

SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA DIF-DIF KEHORMAT YANG TELAH SUDI HADIR MEMERIAHKAN FESTIVAL NASYID YANG BUAT JULUNG-JULUNG KALINYA DIANJURKAN OLEH UNIVERSITIINI. SEMOGA DENGAN KEHADIRAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA AKAN MENYERI DAN MERAPATKAN LAGI HUBUNGAN SILATURAHIM YANG SEJAK SEKIAN LAMA TERJALIN MESRA DI ANTARA KITA.

SYABAS DAN TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA AHLI JAWATANKUASA FESTIVAL NASYID IPTA KEBANGSAANINI KERANA TELAH BERTUNGKUS-LUMUS MELAKAR IDEA, MENYEMPURNA KERJA, MENZAHIRKAN UPACARA DALAM MEMASTIKAN PROGRAMINI TERLAKSANA DENGAN JAYANYA.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

“ISLAM ADALAH API YANG TIDAK PADAM-PADAM MEMANCARKAN NYALA ABADI UNTUK BIMBINGAN HIDUP YANG SEIMBANG DENGAN ROHANI DAN JASMANI. MILIKI LAH APINYA BUKAN ABUNYA”.

MEMETIK KATA-KATA ALLAHYARHAM BUNG KARNO, BEKAS PRESIDEN REPUBLIK INDONESIA TERSEBUT, JELAS MENUNJUKKAN BETAPA AGAMA ISLAM SANGAT SYUMUL. IA MELENGKAPI DAN MERANGKUMI SEGALA MACAM ASPEK DAN DISPLIN KEHIDUPAN. BAIK DI BIDANG POLITIK, EKONOMI, SOSIAL HATTA BUDAYA DAN SENI.

BIDANG SENI DAN KEBUDAYAAN SEBAGAI ALAT PEMBANGUNAN BANGSA DI ZAMAN INI TELAH DIAKUI DAN DITERIMAPAKAI SEBAGAI SALAH SATU JALAN MUTLAK YANG HARUS DITAMBAH. MENINGGALKAN JALAN INI BERERTI MENYISIHKAJALAN YANG AKAN SAMPAI KE DESTINASINYA.

KESENIAN ADALAH UNSUR DAN ALAT YANG AMPUH DALAM MENYAMPAIKAN APA JUA MESEJ. MUZIK DAN TARI CIRI KEHIDUPAN YANG MELAHIRKAN GERAK IRAMA, MENGHANTAR MANUSIA KE ALAM LUAS, JAUH DAN SYAHDU. SUARA AZAN MEMBANGKITKAN GHAIRAH MENTAKBIRKAN MAHA PENCIPTA.

RENTAK DAN GENDERANG MENYEMARAKKAN PAHLAWAN YANG SEDANG BERJUANG MAHUPUN PEKERJA YANG SEDANG BERTUGAS. RAYUAN LAGU SI IBU MENCEPATKAN BESARNYA SANG BAYI DALAM ALUNAN.

KALAU KITA MEMBICARAKAN HUKUM SENI MUZIK, SENI SUARA DAN SENI TARI DALAM ISLAM, MAKAPADA HAKIKATNYA BUKANLAH KITA MEMBICARAKAN SESUATU PERSOALAN BARU YANG TIMBUL SESUDAH

KEDATANGAN ISLAM AKAN TETAPI KITA MEMBICARAKAN SESUATU YANG SUDAH TUA SEJARAHNYA, BAHKAN SAMA ATAU HAMPIR SAMA DENGAN SEJARAH HIDUP MANUSIA, KEMUDIAN BERKEMBANG SESUAI DENGAN PERKEMBANGAN KEHIDUPAN MANUSIA ITU SENDIRI.

ALLAH S.W.T. MENGURNIAKAN KITA AKAL DAN PANCAINDERA. TIAP-TIAP BAHAGIAN DALAM PANCAINDERA INI MEMPUNYAI TUGAS DAN NALURI MASING-MASING. UMPAMANYA NALURI PENGLIHATAN IALAH UNTUK MELIHAT SESUATU YANG CANTIK DAN NALURI PENDENGARAN PULA INGIN MENDENGAR SESUATU YANG MERDU DAN BERIRAMA DAN SEBAGAINYA.

MAKA KEHIDUPAN MANUSIA DAPAT BERKEMBANG MAJU DALAM SEGALA BIDANG HANYA DENGAN MEMPERGUNAKAN AKAL BERSERTA DENGAN PANCAINDERA. JUSTERU ITU, MUZIK, LAGU ATAU NYANYIAN DAN TARIAN ADALAH TERMASUK KEPERLUAN NALURI-NALURI DARI PANCAINDERA MANUSIA.

MISALNYA SEORANG ANAK KECIL TANPA DISEDARI DAPAT MELOMPAT DAN MENARI-NARI SERTA BERNYANYI DI KALA IA MEMPEROLEHI SESUATU YANG SANGAT DIGEMARINYA, SEDANG ADIK-ADIKNYA ATAU TEMAN-TEMANNYA TURUT BERTEPUK TANGAN DENGAN KEGIRANGANNYA. RINGKASNYA, MUZIK, SENI SUARA DAN SENI TARI DALAM SEGALA JENIS DAN BENTUKNYA ADALAH REALISASI DARIPADA NALURI YANG TERPENDAM DI DALAM PANCAINDERA MANUSIA.

DR. HASAN IBRAHIM DI DALAM BUKUNYA TARikh AL-ISLAMI AL-SIYASI DAN DR. AHMAD AMIN DI DALAM BUKUNYA FADJAR AL-ISLAM, MASING-MASING MENGATAKAN BAHAWA SENI MUZIK, SENI SUARA DAN SENI TARI BUKANLAH SUATU HAL YANG BARU BAGI BANGSA ARAB. MEREKA TELAH MENGETAHUINYA SEBELUM KELAHIRAN ISLAM.

JUSTERU ITU BERSESUAIAN DENGAN TEMA FESTIVAL NASYID PADA MALAM INI IAITU PEMBUDAYAAN NASYID KE ARAH MELAHIRKAN MAHASISWA BERKEPERIBADIAN MULIA, SAYA MERASAKAN PENGANJURAN PROGRAM SEBEGINI SEDIKIT SEBANYAK DAPAT MELUHURKAN CITA-CITA KITA SEMUA SEBAGAI WARGA UNIVERSITI UNTUK MENGANGKAT IRAMA NASYID KONTEMPORARI MENJADI BUDAYA POPULAR SEMASA DAN SETERUSNYA MENJADI SINONIM SERTA SEBATI DENGAN BUDAYA MASYARAKAT DI NEGARA INI.

USAHA INI SANGAT MURNI KERANA JIKA TENAGA, KEUPAYAAN DAN PERANCANGAN YANG JITU DIGEMBELENGKAN SECARA BERTERUSAN DENGAN NIAT PENUH KEIHKLASAN MENCARI KEREDHAAN ALLAH, NASYID KONTEMPORARI SEBEGINI BOLEH DI PROMOSIKAN KE SERATA PELUSUK DUNIA DAN MENJADI PRODUK KEBANGGAAN NEGARA.

BIAR DUNIA MENGETAHUI KITA PUNYAI KESENIAN DAN IDENTITI TERSENDIRI. KITA HARUS BERBANGGA KERANA KITA AKAN MENJADI ‘TRENDSETTER’, BUKAN ‘FOLLOWER’ DALAM DUNIA HIBURAN SEMASA KOMERSIALISME BARAT YANG SUDAH TERLALU PARAH DENGAN KERUNTUHAN AKHLAK.

KUKUM RASA TERPANGGIL DENGAN SERUAN KERAJAAN YANG CUBA MEMBERIKAN KEFAHAMAN YANG JELAS KEPADA MASYARAKAT UMUM TENTANG KONSEP ISLAM HADHARI. JUSTERU ITU DENGAN PENGANJURAN FESTIVAL NASYID INI, IA SECARA TIDAK LANGSUNG MAMPU MEMBERI SEDIKIT PENGERTIAN TENTANG ISLAM HADHARI.

ISLAM HADHARI BUKAN ISLAM YANG JUMUD DAN TOGHUT TERHADAP ISU DOMESTIK TETAPI MENJURUS KEPADA SUATU KETAMADUNAN YANG BERSIFAT UNIVERSAL DAN SEJAGAT BAGI MENANGANI SEGALA MACAM

PERSOALAN KEHIDUPAN. INSYALLAH FESTIVAL NASYID PERINGKAT IPTA INI AKAN DIJADIKAN SEBAGAI ACARA TAHUNAN DI DALAM KALENDAR KUKUM PADA TAHUN-TAHUN SETERUSNYA DENGAN BERKAT SOKONGAN SEMUA PIHAK.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

SETIAP YANG BERMULA PASTI AKAN BERAKHIR. BEGITU LAH JUGA DENGAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN PERINGKAT KUKUM 2004 INI YANG TELAH PUN SAMPAI KE KEMUNCAKNYA SEJAK IA DILANCARKAN PADA 17 OGOS 2004 LALU.

BERMULA DENGAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG YANG DILANCARKAN SERENTAK DENGAN MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN PERINGKAT KUKUM. IA DIIKUTI PULA DENGAN PROGRAM JALAN KAKI PATRIOTIK 10KM, PROGRAM ‘ONE HOME ONE TREE’, PELANCARAN BENDERA JALUR GEMILANG GERGASI, PERTANDINGAN KARAOKE TERTUTUP, PENYERTAAN KONTIGEN KAWAD KUKUM SEMPENA HARI KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI PERLIS, FESTIVAL NASYID KUKUM EDISI KEDUA, PERTANDINGAN SENAMROBIK DAN POCO-POCO KUKUM, MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA KEMERDEKAAN SERTA MALAM KEBUDAYAAN DAN KESENIAN KUKUM DAN HARI KO-KURIKULUM KEMERDEKAAN KUKUM YANG BAKAL DILANGSUNGKAN PADA 18 SEPTEMBERINI.

ALHAMDULILLAH, DI DALAM SETIAP PROGRAM YANG TELAH DIJALANKAN KUKUM TIDAK MENGHADAPI SEBARANG MASALAH. MALAHAN KUKUM INGIN MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA AGENSI-AGENSI KERAJAAN, PENDUDUK KAMPUNG REPOH, INDIVIDU-INDIVIDU DAN ORGANISASI-ORGANISASI YANG TELAH

TERLIBAT SECARA LANGSUNG MEMBANTU DALAM MENJAYAKAN PROGRAM KAMI.

PENGHARGAAN SERTA SALUTASI KHUSUS DITUJUKAN KEPADA UNIT TRAFIK POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) PERLIS YANG TELAH BERTUNGKUS-LUMUS MENGAWAL KELANCARAN LALU-LINTAS JALANRAYA DI BEBERAPA BUAH LOKASI SEMASA PROGRAM KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG DAN JALAN KAKI PATRIOTIK 10 KM DIJALANKAN.

IKHLAS, DI KESEMPATANINI SAYA INGIN MENYERU SELURUH WARGA KUKUM AGAR DAPAT MENGHAYATI KEMERDEKAAN DALAM ERTI KATA YANG SEBENARNYA MELALUI AKTIVITI DAN PROGRAM YANG TELAH DIANJURKAN TERSEBUT. KESEMUA AKTIVITI TERSEBUT TIDAK DIRANCANG DAN DIADAKAN BAGI TUJUAN HIBURAN SEMATA-MATA TETAPI ADA MESEJ TERSURAT DISEBALIK YANG TERSIRAT.

MARILAH KITA SAMA-SAMA TERUS BERBAKTI KEPADA NEGARA YANG TERCINTAINI DALAM USAHA MENYAHUT SERUAN KERAJAAN MENJADI BANGSA YANG CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG. UNTUK ITU, KITA HARUS BERUSAHA DENGAN LEBIH GIGIH, MEMANTAPKAN LAGI PERPADUAN YANG SEDIA ATAS SATU NAMA IAITU BANGSA MALAYSIA YANG MERDEKA.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN PADA MALAMINI, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA JAWATANKUASA INDUK DAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA KECIL SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN PERINGKAT KUKUM 2004INI DI ATAS GEMBELENGAN TENAGA DAN USAHA GIGIH YANG BERTERUSAN DALAM MENGGARAP IDEA, MENYUSUN KERJA BAGI SEMUA AKTIVITI DAN PROGRAM YANG TELAH DIJALANKAN HAMPIR SEBULAN LAMANYA.

SAYA JUGA MEWAKILI KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA INGIN MENYUSUN SEPULUH JARI MEMOHON MAAF KEPADA WAKIL-WAKIL IPTA YANG MENYERTAI FESTIVAL NASYID IPTA PERINGKAT KEBANGSAANINI ANDAI TERDAPAT SALAH DAN SILAP MAHUPUN KEKURANGAN.

PUN BEGITU, FESTIVAL NASYIDINI BUKAN BERTUJUAN MAHU MENCARI SIAPA YANG LEBIH HEBAT DI ANTARA KITA. APA YANG LEBIH PENTING OBJEKTIF KITA IALAH MAHU MEMARTABAT DAN MENGANGKAT IRAMA NASYID KONTEMPORARI YANG SARAT DENGAN MESEJ POSITIF YANG TERKANDUNG DALAM IRAMA TERSEBUT HINGGA MAMPU MENJADI BUDAYA POPULAR DI KALANGAN KITA WARGA MALAYSIA.

UNTUK ITU DENGAN DADA YANG LAPANG, HATI YANG TERBUKA, KAMI SUDI MENERIMA SEBARANG TEGURAN, ADUAN MAHUPUN SARANAN. IA AKAN DIJADIKAN AZIMAT DAN PANDUAN DALAM PROSES PENAMBAHBAIKAN BAGI PENGANJURAN FESTIVAL NASYIDINI DI TAHUN-TAHUN YANG MENDATANG.

AMPUN TUANKU,

SEKIAN SAHAJA UCAPAN PATIK. AKHIR KATA, PATIK MEWAKILI SELURUH WARGA KUKUM INGIN MERAFAK SEMBAH, MENJUNJUNG KASIH YANG TIDAK TERHINGGA SEKALI LAGI KEPADA KE BAWAH DULI TUANKU BERDUA KERANA TELAH SUDI MENCEMAR DULI BERANGKAT KE FESTIVAL NASYID IPTA PERINGKAT KEBANGSAAN 2004/1425H DAN MERASMIKAN MAJLIS PENUTUPAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN PERINGKAT KUKUM 2004INI. PATIK SUDAHI DENGAN WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.

